

31 JUL 1996  
MSC-Insentif

PROSEDUR MUDAH IMIGRESEN DIPERLUKAN UNTUK GOLONGAN KREATIF MULTIMEDIA

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Prosedur-prosedur Imigresen mudah untuk mereka yang kreatif dalam industri multimedia adalah antara insentif yang sedang dirangka bagi menarik golongan itu menyertai projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Ketua Pengarah Institut Sistem Mikro-elektronik Malaysia (MIMOS) Dr Tengku Azzman Shariffadeen berkata kemasukan bebas golongan sedemikian adalah sangat penting bagi kejayaan MSC.

"MSC perlukan mereka yang kreatif. Kita perlu benarkan golongan kreatif untuk datang dan bekerja di sini tanpa banyak halangan daripada Imigresen," katanya kepada pemberita selepas prelu akhbar Multimedia Asia '96 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Ekspo dan persidangan empat hari itu akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Tengku Azzman berkata insentif lain yang dipertimbangkan ialah skim kewangan, yang menyamai skim yang sedang dinikmati oleh pelabur-pelabur industri pengeluaran.

Tengku Azzman berkata satu rang undang-undang jaminan yang mengandungi siri deklarasi untuk melindungi harta intelek di MSC juga sedang digubal.

Cadangan pusat teknologi maklumat itu terletak di kawasan seluas 40km x 15km mengelilingi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, Kuala Lumpur City Centre dan pusat pentadbiran baru, Putrajaya.

Multimedia Asia '96, anjuran Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan dan MIMOS, akan menumpukan perhatian kepada cadangan MSC itu di samping memperkenalkan teknologi, produk dan perkhidmatan multimedia dari 300 syarikat. -- BERNAMA

RAZ NAK